



## NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

**Tr. P.U. 8/2007**

### AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU)  
(PINDAAN) 2007

**Tarikh siaran dalam Warta: 10hb April 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan (Terengganu)(Pindaan) 2007**.  
(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 12 April 2007.

#### **Pindaan undang-undang kecil 1**

2. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Terengganu) 1984 [Tr. P.U. 17/1986], yang disebut “Undang-Undang Kecil Ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Nama pemakaian dan mula berkuatkuasa.” dengan perkataan “Nama dan permulaan kuat kuasa”; dan
  - (b) dalam nama, dengan memotong perkataan “Seragam”.

**Pindaan undang-undang kecil 2**

3. Undang-Undang Kecil 2 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—
- (a) dalam takrif “arkitek”, dengan menggantikan perkataan “yang didaftarkan sebagai arkitek” dengan perkataan “yang didaftarkan sebagai Arkitek Profesional”;
  - (b) dalam takrif “jurutera” —
    - (i) dengan menggantikan perkataan “yang didaftarkan sebagai jurutera profesional” dengan perkataan “yang didaftarkan sebagai Jurutera Profesional”; dan
    - (ii) dengan menggantikan perkataan “urusan sebagai seorang jurutera profesional” dengan perkataan “urusan sebagai seorang jurutera”;
  - (c) dengan memasukkan selepas takrif “lantai mezinan” takrif yang berikut:

“‘orang utama yang mengemukakan’ ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan mengikut Undang-Undang Kecil ini dan termasuklah mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu mengikut undang-undang kecil 7;’;
  - (d) dengan menggantikan takrif “orang berkelayakan” dengan takrif yang berikut:

“‘orang yang berkelayakan’ ertinya seseorang Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftarannya;’;
  - (e) dengan menggantikan takrif “orang yang mengemukakan” dengan takrif yang berikut:

“‘orang yang mengemukakan’ ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan, selain pelan bangunan, kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan mengikut Undang-Undang Kecil ini dan termasuklah mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu mengikut undang-undang kecil 7;’;
  - (f) dengan memasukkan selepas takrif “PB” takrif yang berikut:

“‘pelan bangunan’ ertinya pelan yang termasuklah pelan tapak, pelan punca, pelan lantai, muka keratan dan tampak bangunan, dan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 8, 9 dan 10;’;

- (g) dengan menggantikan takrif “pelukis pelan bangunan berdaftar” dengan takrif yang berikut:  
       “‘pelukis pelan bangunan’ ertiinya mana-mana pelukis pelan bangunan yang didaftarkan di bawah Akta yang berkaitan;’;
- (h) dalam takrif “perakuan siap dan pematuhan”, dengan menggantikan perkataan “25A” dengan perkataan “25”;
- (i) dengan memotong takrif “rumah berasingan yang dibina secara tunggal”; dan
- (j) dengan memasukkan selepas takrif “siling” takrif yang berikut:  
       “‘syarat teknikal’ ertiinya syarat yang berkenaan dengan isu kesihatan dan keselamatan yang berhubungan dengan bangunan dan perkhidmatan perlu yang diadakan bagi bangunan itu;’.

### **Pindaan undang-undang kecil 3**

4. Undang-undang kecil 3 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(c), dengan menggantikan perkataan “orang-orang berkelayakan” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”; dan
- (b) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

### **Pindaan undang-undang kecil 4**

5. Undang-undang kecil 4 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan yang mengemukakannya” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang mengemukakannya”; dan
- (b) dalam perenggan (2) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan itu” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan itu”.

### **Pindaan undang-undang kecil 5**

6. Undang-undang kecil 5 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “submitted by qualified person” dengan perkataan “submitted by a principal submitting person or submitting person”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 6**

7. Perenggan 6(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 7**

8. Undang-undang kecil 7 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” di mana-mana juga terdapat termasuk dalam nota birai dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;
- (b) dalam perenggan (1) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Orang berkelayakan” dengan perkataan “Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;
- (c) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan lain” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang lain”; dan
- (d) dalam perenggan 7(2) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “qualified person’s” dengan perkataan “principal submitting person’s or submitting person’s”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 10**

9. Undang-undang kecil 10 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “Semua pelan” dengan perkataan “Semua pelan bangunan”; dan
- (b) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “Orang berkelayakan” dengan perkataan “Orang utama yang mengemukakan”.

#### **Pindaan undang-undang kecil 16**

10. Perenggan 16(2) Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” dengan perkataan “orang yang mengemukakan”; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “orang yang mengemukakannya” dengan perkataan “orang yang mengemukakan itu”.

**Pindaan undang-undang kecil 17**

11. Undang-undang kecil 17 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” dengan perkataan “orang yang mengemukakan”.

**Pindaan undang-undang kecil 20**

12. Perenggan 20(3) Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “orang yang mengemukakannya” dengan perkataan “orang yang mengemukakan”; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “be supported” dengan perkataan “supported”.

**Pemotongan undang-undang kecil 23**

13. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 23.

**Pemotongan undang-undang kecil 24**

14. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 24.

**Penggantian undang-undang kecil 25**

15. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 25 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Perakuan siap dan pematuhan

25. (1) Suatu perakuan siap dan pematuhan dalam Borang F sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan—

- (a) apabila semua syarat teknikal yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan telah dipatuhi dengan sewajarnya;
- (b) apabila Borang G1 hingga G21 berkenaan dengan perakuan berperingkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua telah diperakui dengan sewajarnya dan diterima olehnya;
- (c) apabila semua perkhidmatan perlu, termasuk jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat sanitari, air dan elektrik, pili bomba, kehendak pembetungan dan pembuangan sampah dan, lif bomba jika dikehendaki, telah disediakan; dan
- (d) apabila dia memperakui dalam Borang F bahawa dia telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan itu dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya bangunan itu telah dibina dan disiapkan mengikut Akta, Undang-Undang Kecil ini dan pelan yang diluluskan.

(2) Apabila perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan, orang utama yang mengemukakan menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi pengeluaran perakuan siap dan pematuhan itu dan dia memperakui bahawa bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

(3) Orang utama yang mengemukakan hendaklah dalam masa empat belas hari dari pengeluaran perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, mendepositkan suatu salinan perakuan tersebut dan Borang G1 hingga G21 dengan pihak berkuasa tempatan dan Lembaga Arkitek Malaysia atau Lembaga Jurutera Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam undang-undang kecil ini boleh menghalang pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu, daripada memeriksa apa-apa kerja bangunan pada mana-mana peringkatnya dan menarik perhatian kepada apa-apa kemungkiran kepada bangunan itu atau ketidakpatuhan dengan Undang-Undang Kecil ini yang didapatinya dan, memberikan notis bertulis kepada orang utama yang mengemukakan yang mengarahkan supaya kemungkiran atau ketidakpatuhan itu dibetulkan.

(5) Tertakluk kepada perenggan (4), pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Orang utama yang mengemukakan hendaklah dalam masa dua puluh satu hari selepas menerima notis yang dikeluarkan menurut perenggan (4) atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, membetulkan kemungkiran atau ketidakpatuhan itu.

(7) Jika orang utama yang mengemukakan telah membetulkan kemungkiran atau ketidakpatuhan itu, dia hendaklah mengeluarkan suatu notis kepada pihak berkuasa tempatan yang mengesahkan bahawa kerja-kerja pembetulan itu telah disiapkan dengan memuaskan.

(8) Apabila menerima notis yang disebut dalam perenggan (7), pihak berkuasa tempatan hendaklah dalam masa empat belas hari dari penerimaan notis itu memeriksa bangunan itu untuk mengesahkan bahawa kemungkiran atau ketidakpatuhan itu telah dibetulkan dengan memuaskan.

(9) Jika pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa kemungkiran atau ketidakpatuhan yang dinyatakan dalam perenggan (4) telah dibetulkan dengan memuaskan, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan supaya mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(10) Jika pihak berkuasa tempatan tidak menjalankan pemeriksaan ke atas kerja-kerja pembetulan menurut perenggan (8) dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan itu, maka hendaklah disifatkan bahawa pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa kerja-kerja pembetulan itu telah disiapkan dengan memuaskan.

(11) Jika kemungkiran atau ketidakpatuhan tidak dibetulkan oleh orang utama yang mengemukakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (6), pihak berkuasa tempatan sendiri boleh menyebabkan apa-apa kerja dilaksanakan atau apa-apa langkah diambil jika pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa kerja atau langkah itu adalah perlu untuk membetulkan ketidakpatuhan itu.

(12) Kos untuk menlaksanakan apa-apa kerja atau mengambil apa-apa langkah yang disebut dalam perenggan (11) hendaklah ditanggung oleh pemunya bangunan.

(13) Perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan sehingga semua kemungkiran atau ketidakpatuhan berkenaan dengan bangunan itu telah dibetulkan dengan memuaskan.”.

### **Pemotongan undang-undang kecil 25A**

16. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 25A.

### **Pemotongan undang-undang kecil 26**

17. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 26.

### **Pengantian undang-undang kecil 27**

18. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 27 dengan undang-undang kecil yang berikut:

#### **“Perakuan siap dan pematuhan sebahagian**

27. (1) Orang utama yang mengemukakan boleh mengeluarkan suatu perakuan siap dan pematuhan sebahagian dalam Borang F1, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, berkenaan dengan mana-mana bahagian suatu bangunan yang telah siap sebahagian tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan yang difikirkannya perlu bagi sebab kesihatan dan keselamatan awam:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa perakuan boleh dikeluarkan melainkan jika semua perkhidmatan perlu termasuk jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat sanitari, air dan elektrik, pili bomba, kehendak pembetungan dan pembuangan sampah dan, lif bomba jika dikehendaki, yang diadakan bagi bahagian bangunan yang telah siap sebahagian itu telah disediakan.

(2) Suatu perakuan siap dan pematuhan sebahagian sebaik sahaja dikeluarkan hendaklah tetap berkuasa sehingga keseluruhan bangunan itu siap dan suatu perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan menurut undang-undang kecil 25.”.

### **Penggantian undang-undang kecil 28**

19. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 28 dengan undang-undang kecil yang berikut :

#### **“Kesalahan**

28. (1) Jika orang utama yang mengemukakan gagal mendepositkan suatu salinan perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Borang G1 hingga G21 dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 25(3) dengan pihak berkuasa tempatan dan Lembaga Arkitek Malaysia atau Lembaga Jurutera Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan berkenaan dengan pembetulan apa-apa kemungkiran kepada bangunan atau ketidakpatuhan dengan Undang-Undang Kecil ini mengikut perenggan 25(4), dia melakukan suatu kesalahan.”.

### **Pindaan undang-undang kecil 29**

20. Undang-undang kecil 29 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang-orang” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

### **Pindaan undang-undang kecil 48**

21. Perenggan 48(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “nombor telefon” perkataan “orang utama yang mengemukakan,”.

### **Pindaan undang-undang kecil 77**

22. Perenggan 77(3) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pada pendapat ”perkataan “orang utama yang mengemukakan atau”.

### **Pindaan undang-undang kecil 246**

23. Undang-undang kecil 246 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang yang mengemukakan pelan itu” dengan perkataan “orang yang mengemukakan yang mengemukakan pelan itu”.

### **Pindaan undang-undang kecil 255**

24. Perenggan 252(2) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perkataan “Menteri/”.

### **Pindaan undang-undang kecil 258**

25. Undang-undang kecil 258 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;
- (b) dalam perenggan (2) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Orang berkelayakan” dengan perkataan “Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;
- (c) dalam perenggan (5), dengan menggantikan perkataan “orang” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”; dan
- (d) dalam perenggan (6) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Orang yang berkelayakan” dengan perkataan “Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

### **Pindaan Jadual Pertama**

26. Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong butiran 14.

### **Pindaan Jadual Kedua**

27. Jadual Kedua Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Seragam” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan ”(Terengganu)”;
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan ”Uniform Building By-Laws 1984” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan ”Building By-Laws (Terengganu) 1984”;
- (c) dengan memotong Borang C, D dan E;
- (d) dengan menggantikan Borang F dengan borang yang berikut:

**“UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984****BORANG F****PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN**

[undang-undang kecil 25 ]

Tarikh: .....

Kepada:

\*

.....  
.....

Saya dengan ini mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan untuk bangunan/bangunan-bangunan atas Lot/Lot-Lot ..... Seksyen ..... Jalan ..... setelah berpuas hati bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu telah siap menurut pelan yang diluluskan No. ..... bertarikh .....

Saya telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan/bangunan-bangunan itu dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya kerja/kerja-kerja itu adalah mengikut Akta, Undang-Undang Kecil Bangunan (Terengganu) 1984 dan pelan-pelan yang diluluskan. Saya dengan ini memperakui bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

.....  
*(Orang utama yang mengemukakan)*

## 1. Butir-butir orang utama yang mengemukakan

Nama : .....

Alamat : .....

\*\*No. Pendaftaran LAM/LJM : .....

## 2. Salinan kepada :

(a) Pihak Berkuasa Tempatan: .....

*(Nama Pihak Berkuasa Tempatan)*

(b) \*\* Lembaga Arkitek Malaysia(LAM)/Lembaga Jurutera Malaysia(LJM)

\* Pemaju, jika ia adalah untuk pembangunan selain rumah berasingan yang dibina secara tunggal atau, pemunya jika ia adalah untuk rumah berasingan yang dibina secara tunggal

\*\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

"; dan

(c) dengan memasukkan selepas Borang F borang-borang yang berikut:

**“UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984**

**BORANG F1**

**PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN SEBAHAGIAN**

[ undang-undang kecil 27 ]

Tarikh: .....

Kepada:

\*

.....  
.....

Saya dengan ini mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan Sebahagian untuk bangunan/bangunan-bangunan atas Lot/Lot-Lot ..... Seksyen ..... Jalan ..... setelah berpuas hati bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu telah siap bagi bahagian yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan mengikut pelan yang diluluskan No. ..... bertarikh .....

Saya telah mengawasi pembinaan dan penyiapan sebahagian bangunan/bangunan-bangunan itu dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya kerja/kerja-kerja itu adalah mengikut Akta, Undang-Undang Kecil Bangunan (Terengganu) 1984 dan pelan-pelan yang diluluskan. Saya dengan ini memperakui bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

.....  
(Orang utama yang mengemukakan)

1. Butir-butir orang utama yang mengemukakan

Nama : .....

Alamat : .....

\*\*No. Pendaftaran LAM/LJM : .....

2. Salinan kepada :

(a) Pihak Berkuasa Tempatan: .....

(Nama Pihak Berkuasa Tempatan)

(b) \*\* Lembaga Arkitek Malaysia(LAM)/Lembaga Jurutera Malaysia(LJM)

\* Pemaju, jika ia adalah untuk pembangunan selain rumah berasingan yang dibina secara tunggal atau, pemunya jika ia adalah untuk rumah berasingan yang dibina secara tunggal

\*\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 1

**PERAKUAN BERPERINGKAT : KERJA-KERJA TANAH**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanah dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan Kerja-Kerja Tanah yang Diluluskan No. Ruj.: ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanah itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan*) (Tarikh: \_\_\_\_\_)

(b) Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Jurutera Malaysia*) (Tarikh: \_\_\_\_\_)

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

(*Orang utama yang mengemukakan*)

# No. K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 2

**PERAKUAN BERPERINGKAT : PEMANCANGAN TANDA**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan kerja-kerja pemancangan tanda bagi bangunan itu dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Ruj.: ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas kerja-kerja pemancangan tanda itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
*(Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)* (Tarikh: \_\_\_\_\_)

(b) Juruukur Tanah Berlesen \_\_\_\_\_  
*(Lembaga Juruukur Tanah Malaysia)* (Tarikh: \_\_\_\_\_)

(b) Orang utama yang mengemukakan \_\_\_\_\_  
*(Lembaga Arkitek Malaysia/ Lembaga Jurutera Malaysia)* (Tarikh: \_\_\_\_\_)

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

# No. K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran  
 \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 3

**PERAKUAN BERPERINGKAT : ASAS TAPAK**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja asas tapak dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan yang Dideposit No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja asas tapak itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan*)

(b) Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Jurutera Malaysia*)

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

(*Orang utama yang mengemukakan*)

# No. K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 4

**PERAKUAN BERPERINGKAT : STRUKTUR**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja struktur dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan Struktur yang Dideposit No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja struktur itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan* (Tarikh: \_\_\_\_\_))

(b) Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Jurutera Malaysia* (Tarikh: \_\_\_\_\_))

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

(*Orang utama yang mengemukakan*)

# No. K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 5

**PERAKUAN BERPERINGKAT : PERPAIPAN AIR DALAMAN**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja perpaipan air dalaman dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut \*pelan yang diluluskan/Pelan yang Dideposit No. Ruj.: ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja perpaipan air dalaman itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
 Tred \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
 (Tukang paip berlesen)

(b) Orang yang \_\_\_\_\_ mengemukakan \_\_\_\_\_ (\*Lembaga Arkitek  
 Malaysia/ Lembaga Jurutera Malaysia) (Tarikh: \_\_\_\_\_)

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + Badan kawal selia yang berkaitan
- # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran
- \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 6

**PERAKUAN BERPERINGKAT : PERPAIPAN SANITARI DALAMAN**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja perpaipan sanitari dalaman dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut \*pelan yang diluluskan/Pelan yang Dideposit No. Ruj.: ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja perpaipan sanitari dalaman itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
 Tred  
 (Tukang paip berlesen)

(b) Orang yang \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
 mengemukakan  
 (\*Lembaga Arkitek  
 Malaysia/Lembaga  
 Jurutera Malaysia)

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + Badan kawal selia yang berkaitan
- # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran
- \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 7

**PERAKUAN BERPERINGKAT : ELEKTRIKAL DALAMAN**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja elektrikal dalaman dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan yang Diperakui orang yang mengemukakan dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja elektrikal dalaman itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
Tred \_\_\_\_\_ (*Suruhanjaya Tenaga*) \_\_\_\_\_ (*Tarikh:* \_\_\_\_\_)  
(Orang yang Kompeten)

(b) Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_ (*Lembaga Jurutera*) \_\_\_\_\_ (*Tarikh:* \_\_\_\_\_)  
*Malaysia*

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

(*Orang utama yang mengemukakan*)

# No. K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 8

**PERAKUAN BERPERINGKAT : MENENTANG KEBAKARAN  
(PASIF)**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (pasif) dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut \*pelan yang diluluskan/Pelan yang Dideposit No. Ruj.: ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (pasif) itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
 (Lembaga Pembangunan (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
*Industri Pembinaan*)

(b) \*\*Orang \_\_\_\_\_  
 utama yang  
 mengemukakan \_\_\_\_\_  
 (\*Lembaga Arkitek (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
*Malaysia/*  
*Lembaga Jurutera*  
*Malaysia)*

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran  
 \*\* Surat Pelepasan daripada Jabatan Bomba Malaysia (kecuali untuk bangunan kediaman yang tidak melebihi ketinggian 18 meter) hendaklah dilampirkan  
 \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 9

**PERAKUAN BERPERINGKAT : MENENTANG KEBAKARAN (AKTIF)**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (aktif) dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut \*pelan yang diluluskan/Pelan yang Dideposit No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (aktif) itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
Tred \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_ )(b) \*\*Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_ (Lembaga Jurutera \_\_\_\_\_) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
*(Malaysia)*

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

(*Orang utama yang mengemukakan*)

- + Badan kawal selia yang berkaitan  
# No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran  
\*\* Surat Pelepasan daripada Jabatan Bomba Malaysia (kecuali untuk bangunan kediaman yang tidak melebihi ketinggian 18 meter) hendaklah dilampirkan  
\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
-

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 10

**PERAKUAN BERPERINGKAT : PENGUDARAAN MEKANIKAL**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pengudaraan mekanikal dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan yang Diperakui orang yang mengemukakan dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pengudaraan mekanikal itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

- (a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
Tred \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
(Tukang paip berlesen)
- (b) \*\*Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_ (Lembaga Jurutera \_\_\_\_\_) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
Malaysia

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + Badan kawal selia yang berkaitan  
 # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran  
 \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 11

**PERAKUAN BERPERINGKAT : PEMASANGAN LIF/ESKALATOR**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pemasangan lif/eskalator dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan yang Diperakui orang yang mengemukakan dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pemasangan lif/eskalator itu.

Nama (*Perseorangan*)    #No. Pendaftaran              Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
 Tred \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_ )

(b) \*\*Orang yang \_\_\_\_\_  
 mengemukakan \_\_\_\_\_ (Lembaga Jurutera \_\_\_\_\_) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
 (Malaysia)

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + Badan kawal selia yang berkaitan
- # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran
- \*\* Sijil Kelayakan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan hendaklah dilampirkan
- \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 12

**PERAKUAN BERPERINGKAT : BANGUNAN**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja bangunan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Ruj.: ..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja bangunan itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
*(Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)* (Tarikh: \_\_\_\_\_)

(b) Orang utama \_\_\_\_\_  
 yang  
 mengemukakan \_\_\_\_\_  
*(Lembaga Arkitek Malaysia/ Lembaga Jurutera Malaysia)* (Tarikh: \_\_\_\_\_)

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

*(Orang utama yang mengemukakan)*

# No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 13

**PERAKUAN BERPERINGKAT : SISTEM BEKALAN AIR LUARAN**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan sistem bekalan air luaran dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan sistem bekalan air luaran itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
Tred \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_)

(b) \*\*Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_ (Lembaga Jurutera \_\_\_\_\_) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
*Malaysia*

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + Badan kawal selia yang berkaitan
- # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran
- \*\* Surat Pengesahan daripada Pihak Berkuasa Air bahawa bekalan air telah sedia untuk pemasangan hendaklah dilampirkan
- \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 14

**PERAKUAN BERPERINGKAT : RETIKULASI PEMBETUNGAN**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja retikulasi pembetungan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja retikulasi pembetungan itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
Tred \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_ )

(b) \*\*Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_ (Lembaga Jurutera \_\_\_\_\_) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
*Malaysia*

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + Badan kawal selia yang berkaitan
- # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran
- \*\* Surat Pengesahan daripada \*Jabatan Perkhidmatan Pembetungan/Indah Water Consortium hendaklah dilampirkan
- \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 15

**PERAKUAN BERPERINGKAT : LOJI RAWATAN PEMBETUNGAN**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja loji rawatan pembetungan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja loji rawatan pembetungan itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
Tred \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_ )(b) \*\*Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_ (Lembaga Jurutera \_\_\_\_\_) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
*Malaysia*

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

(*Orang utama yang mengemukakan*)

- + Badan kawal selia yang berkaitan  
# No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran  
\*\* Surat Pengesahan daripada \* Jabatan Perkhidmatan Pembetungan/Indah Water Consortium hendaklah dilampirkan  
\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
-

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 16

**PERAKUAN BERPERINGKAT : SISTEM BEKALAN ELEKTRIK LUARAN**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan sistem bekalan elektrik luaran dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan sistem bekalan elektrik luaran itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) ^Kontraktor \_\_\_\_\_  
 Tred \_\_\_\_\_ (*Suruhanjaya Tenaga*) (*Tarikh:* \_\_\_\_\_)  
 (Orang yang Kompetem)

(b) \*\*Orang yang \_\_\_\_\_  
 mengemukakan \_\_\_\_\_ (*Lembaga Jurutera* \_\_\_\_\_) (*Tarikh:* \_\_\_\_\_)  
*Malaysia*

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran
- ^ Tidak berkaitan jika kerja-kerja dijalankan oleh Tenaga Nasional Berhad
- \*\* Surat Pengesahan daripada Tenaga Nasional Berhad bahawa bekalan kuasa elektrik telah sedia untuk pemasangan hendaklah dilampirkan
- \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 17

**PERAKUAN BERPERINGKAT : JALAN DAN PARIT**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja jalan dan parit dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut \*pelan yang diluluskan/Pelan yang Dideposit No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja jalan dan parit itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan* (Tarikh: \_\_\_\_\_))

(b) +Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Jurutera Malaysia* (Tarikh: \_\_\_\_\_))

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

(*Orang utama yang mengemukakan*)

- # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran  
+ Surat Pengesahan daripada \*pihak berkuasa tempatan yang berkaitan/Jabatan Kerja Raya hendaklah dilampirkan. Jika orang yang mengemukakan tidak menerima Surat Pengesahan dalam masa 14 hari dari tarikh permohonan, Surat Pengesahan hendaklah disifatkan telah diberikan.  
\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
-

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 18

**PERAKUAN BERPERINGKAT : LAMPU JALAN**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja lampu jalan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut \*pelan yang diluluskan/Pelan yang Dideposit No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja lampu jalan itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
 Tred \_\_\_\_\_ (*Suruhanjaya Tenaga*) (*Tarikh:* \_\_\_\_\_)  
 (Orang yang kompeten)

(b) \*Orang yang \_\_\_\_\_  
 mengemukakan \_\_\_\_\_ (*Lembaga Jurutera*) (*Tarikh:* \_\_\_\_\_)  
*Malaysia*

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

*(Orang utama yang mengemukakan)*

# No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 19

**PERAKUAN BERPERINGKAT : PARIT LUARAN UTAMA**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja parit luaran utama dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja parit luaran utama itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Pembangunan (Tarikh:  
Industri Pembinaan)*)

(b) \*Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_  
(*Lembaga Jurutera (Tarikh:  
Malaysia)*)

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

(*Orang utama yang mengemukakan*)

# No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran  
\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

---

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 20

**PERAKUAN BERPERINGKAT : TELEKOMUNIKASI**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja telekomunikasi dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan/ Pelan yang Dideposit No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja telekomunikasi itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan

(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
Tred \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_ )

(b) \*Orang yang \_\_\_\_\_  
mengemukakan \_\_\_\_\_  
(Lembaga Jurutera \_\_\_\_\_) (Tarikh: \_\_\_\_\_)  
Malaysia)

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + Badan kawal selia yang berkaitan  
 # No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran  
 \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (TERENGGANU) 1984

## BORANG G 21

**PERAKUAN BERPERINGKAT : PANDANGAN DARAT**

[undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pandangan darat dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pandangan darat itu.

Nama (*Perseorangan*) #No. Pendaftaran Tandatangan(a) Kontraktor \_\_\_\_\_  
Tred \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_ )(b) \*Arkitek/ \_\_\_\_\_  
Arkitek Pandangan \_\_\_\_\_ + ( \_\_\_\_\_ ) (Tarikh: \_\_\_\_\_ )  
Darat

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

---

(*Orang utama yang mengemukakan*)

- + *Badan kawal selia berkaitan*  
# *No.K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran*  
\* *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

---

".

**Perubahan dalam sebutan mengenai nama Undang-Undang Kecil**

28. Semua sebutan mengenai Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Terengganu) 1984 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Undang-Undang Kecil Bangunan (Terengganu) 1984.

Dibuat

[SUK. TR. 1200/337 Bhg. 4; PUN. Tr. (S) 85/3/22]

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH

*Menteri Besar  
Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA